

ELEMENT OF AQIDAH IN FILM MENTEGA TERBANG BY KHAIRI ANWAR

UNSUR AKIDAH DALAM FILEM MENTEGA TERBANG KARYA KHAIRI ANWAR

Norfazila Joni ⁱ, Ahmad Sabri Osman ⁱⁱ, Nur Bihaqqil Faatihah Abdul Wahid ⁱⁱⁱ & Nur Izni Izzati Ishak^{iv}

- ⁱ (Corresponding author). Pelajar Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. norfazilabtjoni@gmail.com
- ⁱⁱ Pensyarah kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. ahmadsabri@uitm.edu.my
- ⁱⁱⁱ Pelajar Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. Bihaqqil98@gmail.com
- ^{iv} Pelajar Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. Nurwardahizzati67@gmail.com

Received: 18 May 2024

Article Progress
Revised: 12 June 2024

Accepted: 31 June 2024

Abstract	<p><i>The film industry is one of the most impactful sectors in modern society. In Islam, films that uphold ethics, morals and human principles are permitted to be watched as long as they do not contain things that against Islamic teachings. However, it is very worrying when film directors in Malaysia dare to produce films that openly insult Islam. In fact, the parties responsible play an important role in creating guidelines for film production that comply with sharia. This study aims to analyze the scenes in this film that against the element of aqidah. This study uses a qualitative study design through content analysis of film content. The results of the study found that 9 out of 14 religious codes were not significant for sharia compliance. Film Director, Khairi Anwar has produced a film that contradicts the teachings of the Islamic faith, making it unsuitable for public viewing.</i></p> <p><i>Keywords: Film, Shariah Compliance, Aqidah Issues, Mentega Terbang.</i></p>
Abstrak	<p><i>Industri filem merupakan salah satu sektor yang paling memberi impak dalam masyarakat moden. Dalam Islam, filem yang menjunjung tinggi budi, akhlak dan prinsip kemanusiaan dibenarkan untuk ditonton selagi mana tidak mengandungi perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam. Namun, adalah sangat membimbangkan apabila pengarah filem di Malaysia kini berani menghasilkan filem yang secara terang-terangan menghina agama Islam. Justeru, pihak yang bertanggungjawab memainkan peranan penting dalam membuat garis panduan untuk menghasilkan filem yang menepati syariah agar isu akidah ini dapat ditangani. Kajian ini bertujuan untuk menganalisa sejauhmana babak dalam filem ini bertentangan dengan syarak. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui analisa isi kandungan filem. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat 9 daripada 14 kod akidah tidak signifikan kepada kepatuhan syariah. Pengarah Filem, Khairi Anwar telah menghasilkan sebuah filem yang bercanggahan dengan ajaran akidah agama Islam menjadikannya tidak sesuai untuk tontonan awam.</i></p> <p><i>Kata kunci: Filem, Patuh Syariah, Isu Akidah, Mentega Terbang.</i></p>

PENDAHULUAN

Perkataan akidah dalam bahasa Arab berasal dari kata dasar 'aqada yang bermaksud "ikat". Dari kata ini lahirnya perkataan al-'aqd yang membawa maksud hukum, perjanjian dan pemastian, seperti akad sumpah, akad nikah dan akad jual beli (S. Hayati, 2010). Akidah juga didefinisikan oleh para ulama' Islam dengan pelbagai takrifan. Menurut Sayed Sabiq (2011), akidah adalah membenarkan sesuatu dan meyakini secara jazam (putus) tanpa syak atau ragu. Nizaita Omar (2011) pula menyatakan bahawa akidah Islam merupakan perkara penting yang menjadi pegangan dalam kehidupan seorang Muslim. Ia berperanan membebaskan pemikiran manusia dari dibelenggu dengan pemujaan sesama makhluk ke arah suatu pemikiran yang bebas dengan meletakkan pengabdian hanya kepada Allah SWT.

Filem merupakan satu instrumen yang sangat efektif untuk mengangkat elemen keagamaan, begitu juga sebaliknya. Oleh itu, manifestasi daripada keutuhan akidah akan melahirkan seseorang termasuk mereka yang terlibat dalam bidang seni untuk memandangkan sesuatu bukan hanya sekadar perkara yang boleh ditanggapi oleh pancaindera semata, tetapi sentiasa berpaksikan kepada keimanan yang mantap (Hajar Opir et al., 2020). Filem Mentega Terbang telah mencetuskan kontroversi apabila dipercayai bertentangan dengan akidah Islam yang mengundang kecaman masyarakat Islam di negara. Filem ini disiarkan melalui platform penstriman Viu pada 19 Januari 2023. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) sudah memanggil penerbit filem kontroversi, Mentega Terbang untuk memberi penjelasan atas dakwaan melanggar Akta FINAS 1981 membabitkan aktiviti pengeluaran dan tayangan tanpa lesen (Berita Harian, 2023).

Filem ini merupakan sebuah filem bebas Malaysia pada tahun 2021 arahan Khairi Anwar bin Jailani. Filem ini menjadi arahan sulungnya yang juga menulis skrip bersama 3 penulis lain antaranya ialah Arjun Thanaraju, Visshnu Varman dan Ti Teng-Hui. Beliau merupakan seorang Pengarah filem dan merupakan alumni Universiti Teknologi MARA dalam Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang pada tahun 2010 hingga 2014. Penulis membuat kesimpulan awal bahawa kerangka fikir penulis-penulis skrip filem ini dipengaruhi oleh ideologi barat seperti pluralisme, sekularisme dan liberalisme. Pengarah filem ini membiarkan agamanya sendiri dihina kerana asas pandang alam (worldview) sudah bercelaru dan keliru sehingga tidak boleh membeza antara hak dan batil. Hal ini dijelaskan oleh M.S Aqil & S.M Hilmi (2023) yang menyatakan bahawa filem ini amat bermasalah dan bercanggah dengan akidah sebenar yang dibawa Islam melalui kepincangan pemikiran dalam pencarian ilmu serta kefahaman yang benar mengenai epistemologi ilmu.

Firman Allah Taala:

﴿وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ فَإِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذَا مِنَ الظَّالِمِينَ﴾

Maksudnya, "Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah atau memuja yang lain dari Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Oleh itu, sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka pada saat itu menjadilah engkau dari orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu)" (al-Quran. Yunus: 106).

Jesteru itu, kajian ini dijalankan untuk menjadi panduan kepada orang-orang yang terlibat dalam industri seni sama ada pengarah, penulis skrip ataupun pelakon agar lebih peka dan berhati-hati dalam berkarya dengan mengambilkira semua elemen-elemen yang melibatkan sensitiviti agama. Kajian ini dilihat amat penting dalam merangka strategi yang lebih komprehensif dan praktikal untuk mencegah perbuatan menghina agama Islam. Usaha utama dalam memastikan keharmonian terpelihara adalah melalui sikap memahami sensitiviti agama-agama berdasarkan fahaman agama tersebut (Nur Farhana et al., 2020). Secara khususnya, kajian dijalankan dengan menganalisis unsur akidah yang bertentangan dengan syarak dalam filem Mentega terbang secara terperinci dan menyeluruh.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif yang menganalisis kandungan berfokuskan kepada aspek akidah. Filem Mentega Terbang karya Khairi Anwar merupakan sampel kajian. Penulis telah menonton filem yang berdurasi 1 jam 45 minit ini sebanyak 3 kali untuk memahami keseluruhan jalan cerita dan mengenalpasti babak-babak yang mengandungi unsur yang bercanggah dengan akidah Islam. Dalam penganalisan data, penulis akan memfokuskan kepada 14 elemen akidah dan mengklasifikasikan menggunakan kaedah *coding* beserta keterangannya. Sekumpulan penyelidik tempatan telah membangunkan sebuah rujukan bagi penetapan kriteria filem patuh syariah. Kriteria-kriteria ini telah dibina dengan merujuk kepada beberapa orang pakar bidang yang merangkumi institusi fatwa, badan autoriti kerajaan dan penggiat industri (Abdullah et al., 2022).

DAPATAN KAJIAN

Analisa berdasarkan babak filem Mentega Terbang mendapati bahawa terdapat 9 kod daripada 14 kod elemen yang tidak menepati kod elemen akidah seperti yang dinyatakan dalam jadual 1.

Jadual 1: Kod Elemen Akidah Dalam Filem Patuh Syariah

Kod	Keterangan
AKI 1	Tidak mengandungi unsur syirik, khurafat dan tahyul.
AKI 2	Tidak mempersoal, mempersenda dan memperkecil kesucian Islam terutamanya yang terangkum dalam rukun Iman.
AKI 3	Mesej bukan anti tuhan atau anti agama
AKI 4	Tema tiada unsur fahaman Pluralisme (menyamartakan semua agama)
AKI 5	Tema tiada unsur fahaman Liberalisme (kebebasan dalam agama)
AKI 6	Plot penceritaan tidak bercanggah dengan empat (4) mazhab yang muktabar di sisi Ahli Sunnah wal Jamaah.
AKI 7	Plot penceritaan tidak mempersoal kewibawaan sumber hukum agama seperti al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qias.
AKI 8	Plot penceritaan tidak mengandungi unsur mempercayai ada nabi selepas Nabi Muhammad SAW
AKI 9	Plot penceritaan tidak mengandungi unsur wahyu masih turun selepas kewafatan Rasulullah SAW
AKI 10	Plot penceritaan tidak mengandungi <i>istighasah</i> (seruan terhadap orang mati) yang boleh memberi pertolongan dan berkat
AKI 11	Plot penceritaan tidak mengandungi elemen orang yang mati akan lahir semula (hukum karma)
AKI 12	Plot penceritaan tidak mengandungi unsur pendewaan dan pemujaan selain daripada Allah SWT seperti kuasa hantu.
AKI 13	Plot penceritaan tidak megandungi elemen fantasi yang tidak memberi apa-apa manfaat
AKI 14	Plot penceritaan tiada mengandungi bentuk-bentuk mukjizat para Rasul

Analisa kajian mendapati bahawa terdapat babak yang tidak menepati AKI . Filem ini didapati mengandungi unsur syirik, khurafat dan tahyul seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah 1.

Gambar Rajah 1: Aisyah memujuk ibunya untuk murtad



Gambar rajah 1 memaparkan babak yang mengandungi elemen syirik dalam dialog filem ini. Petikan di bawah adalah mengikut kronologi gambar rajah:

Aisyah: did you think about it? Changing your religion? To be reincarnated. Did you think about it? Mama, how do you know that Islam is right?

Dialog ini berkaitan dengan syirik *jali*. Syirik *jali* ialah syirik yang terang, nyata dan besar yang boleh menyebabkan seseorang itu dianggap jatuh ke tahap kufur menerusi *i'tiqad* seperti meragui atau menafikan kewujudan Allah (M. Kamel & M.Hasif, 2021).

Seterusnya, analisa kajian mendapati terdapat babak yang tidak menepati AKI 2. Hasil ciptaan yang tidak indah, tidak baik, tidak suci dan tidak berguna bukanlah seni menurut pengertian Islam, maka pemaparan yang indah mesti dibuat berasaskan nilai syarak, etika dan norma masyarakat (Abdullah Yusof, 2000). Filem ini jelas mempersoal, mempersenda dan memperkecil kesucian Islam terutamanya yang terangkum dalam rukun iman seperti yang ditunjukkan pada gambar rajah 2.

Gambar Rajah 2: Aisyah menghina JAKIM



Gambar rajah 2 memaparkan babak yang mengandungi elemen mempersoal, mempersenda dan memperkecil kesucian Islam. Petikan di bawah adalah mengikut kronologi gambar rajah 2:

Aisyah: It's like we're force to be in a religion, that we don't have a choice to begin with.
Aunty Esther: I'm sure they have their own reason.
Aisyah: Yeah, untuk menyusahkan orang?

Dialog Aisyah merupakan manifestasi tekanan dan kekecewaan terhadap JAKIM yang dilihat menjadi penghalang untuknya menukar agama adalah tersasar jauh daripada akidah yang betul. Tidak dinafikan dialog ini hanyalah lakonan dan bertujuan agar sampai kepada audien tetapi ia diungkapkan oleh seorang muslim yang mempertikaikan kekuasaan dan hakikat tauhid. Ditakuti akan menjejaskan keimanan kepada Allah SWT.

Selain itu, analisa kajian mendapati terdapat babak yang tidak menepati AKI 3. Akibat kejahilan dan juga tidak faham tentang hakikat ajaran dan syariat Islam menyebabkan nilai kehidupan manusia ketinggalan, lalu manusia mencari alternatif lain untuk memenuhi ruang lingkup kehidupan (Farahwahida et al., 2012). Babak ini mengandungi mesej anti tuhan atau anti agama seperti yang ditunjukkan pada gambar rajah 3.

Gambar Rajah 3: Perbualan mengandungi mesej anti tuhan



Gambar rajah 3 memaparkan babak yang mengandungi elemen anti tuhan atau anti agama. Petikan di bawah adalah mengikut kronologi gambar rajah 3.

Suresh: tapi kan, have you guys considered that maybe none this exist? Tak, macam heaven, hell, reincarnation, semua tu tak wujud. You know, like orang ateis, they don't believe in any of them, where do they were after they died?

Perbualan Aisyah dan Suresh tentang persoalan agama yang dibiarkan tergantung tanpa penjelasan seolah-olah mengalakkan penonton untuk menimbulkan perasaan ragu terhadap pegangan agama masing-masing seterusnya membuat tafsiran yang boleh merosakkan akidah.

Selain itu juga, filem ini juga menyalahi AKI 4 iaitu tema tiada unsur fahaman pluralisme dalam dialog seperti yang ditunjukkan pada gambar rajah 4.

Gambar Rajah 4: Perbualan mengandungi unsur pluralisme



Gambar rajah 4 memaparkan babak yang mengandungi elemen fahaman pluralisme iaitu menyamaratakan semua agama. Petikan di bawah adalah mengikut kronologi gambar rajah 4.

Aisyah: I really like it aunty, Its very similar to the Quran actually, the stories especially (bible)
Aunty Esther: And thats because Islam and cristianity macam siblings. Banyak similarities tapi selalu gaduh, macam siblings.

Islam mengiktiraf kepelbagaian agama dan toleransi dalam kepelbagaian tersebut. Namun Islam tidak sesekali mengiktiraf pluralisme agama hingga mengaburkan garis pemisah antara Islam dan kekufuran.

Seterusnya, analisa kajian mendapati terdapat babak yang tidak menepati AKI 5. Menurut Wan Adli (2014), teras kepada idea liberalisme ialah keprihatinan dalam melindungi dan menggalakkan kebebasan dan autonomi individu, dalam konteks penentangan terhadap pihak lain sama ada negara, masyarakat atau individu lain yang mengganggu kebebasan dan autonomi dalam segala aspek. Hal ini adalah seperti yang ditunjukkan pada gambar rajah 5.

Gambar Rajah 5: Keperibadian ayahnya yang liberal



Gambar rajah 5 memaparkan babak yang mengandungi elemen fahaman liberalisme. Petikan di bawah adalah mengikut kronologi gambar rajah 5.

If there is any other religion that speaks to you more than Islam, if there is any other fate that speaks to you on a deep personal level, and if you feel want to convert or peluk agama lain. Go ahead sayang. I've had my phase try to discover thing when I was younger, and now I choose Islam. Its your time right now, so go, question, learn, listen, observe and choose what is right for you.

Dialog filem ini sangat membimbangkan dikhuatiri boleh merosakkan akidah. Dialog yang dilontarkan dilihat memperjuangkan hak kebebasan beragama untuk menjadi murtad.

Selain itu, Analisa kajian mendapati terdapat babak yang tidak menepati AKI 6 iaitu plot penceritaan tidak bercanggah dengan empat (4) mazhab yang muktabar di sisi Ahli Sunnah wal Jamaah. seperti yang ditunjukkan pada gambar rajah 6.

Gambar Rajah 6: Aisyah Makan Daging Babi



Gambar rajah 6 memaparkan babak yang mengandungi elemen melakukan perkara diharamkan Allah iaitu makan babi. Petikan di bawah adalah mengikut kronologi gambar rajah 6.

Aisyah: Ala, haritu kau makan beef ok je. Tu pun haram jugak kan. Why you can eat beef but I can't eat pork?

Babak makan daging babi telah mengundang kontroversi dalam kalangan masyarakat Islam. Perbuatan ini secara terang-terangan melanggar syariat agama.

Sekaligus perkara ini juga bertentangan dengan AKI 7 iaitu plot penceritaan tidak mempersoal kewibawaan sumber hukum agama seperti al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qias.

Gambar Rajah 7: Aisyah Memegang Anjing



Umum mengetahui bahawa agama Islam melarang memegang anjing tanpa sebab yang dibenarkan oleh syarak. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke-54 (2021) mengeluarkan fatwa dan memutuskan bahawa memelihara anjing tanpa keperluan syarie dalam urusan kehidupan adalah dilarang.

Analisa kajian mendapati terdapat babak yang tidak menepati AKI 11 iaitu Plot penceritaan tidak mengandungi elemen orang yang mati akan lahir semula seperti yang ditunjukkan pada gambar rajah 8.

Gambar rajah 8: Kepercayaan Aisyah Terhadap Reinkarnasi



Gambar rajah 8 memaparkan babak yang mengandungi elemen orang yang mati akan lahir semula (hukum karma). Reaksi Aisyah pada mulanya sangat sedih kehilangan ibunya kemudian tersenyum lebar setelah melihat seekor kupu-kupu hinggap atas batu nisan. Mesej tersirat menunjukkan, Aisyah menganggap bahawa ibunya terlahir kembali sebagai seekor kupu-kupu. Secara tidak langsung membenarkan dalam hati tentang kepercayaan reinkarnasi dalam agama Hindu.

Akhir sekali, analisa kajian mendapati terdapat babak yang tidak menepati AKI 12 iaitu plot penceritaan tidak mengandungi unsur pendewaan dan pemujaan selain daripada Allah SWT seperti kuasa hantu seperti yang ditunjukkan pada gambar rajah 9.

Gambar Rajah 9: Mesej Tersirat Aisyah Menukar Pegangan Agama



Babak membuka tudung di dalam masjid membawa mesej yang tersirat iaitu menunjukkan pegangan agama dan kepercayaan Aisyah yang berubah daripada Islam kepada Hindu dan menyalahi ajaran akidah Islam individu yang bergelar muslim yang mana sebenarnya. Allah mengetahui setiap tindak-tanduk hamba-Nya termasuk apa yang ada dalam hati walaupun tanpa dilafazkan.

PERBINCANGAN

Filem ini tidak memenuhi kod elemen akidah. Pengarah Filem Mentega Terbang Khairi Anwar telah menghasilkan sebuah karya yang bercanggah dan bertentangan dengan ajaran akidah agama Islam. Pluralisme dan hak kebebasan beragama diperjuangkan secara terang-terangan. Bahkan dalam filem ini agama Islam dipersendakan dan dihina serta nilai-nilai negatif masyarakat Islam ditampilkan dengan sengaja untuk merendahkan umat Islam. Meskipun begitu, filem ini tidaklah menyampaikan elemen negatif semata-mata namun terdapat juga nilai positif yang boleh diambil untuk dijadikan pengajaran. Sebagai contoh, elemen keharmonian dalam kepelbagaian kaum menerusi hubungan kejiwaan diketengahkan dengan penzahiran keprihatinan terhadap jiran walaupun berlainan bangsa. Disebabkan oleh itu, tema utama yang diangkat dalam filem ini melibatkan isu akidah dan agama menjadikannya tidak sesuai untuk tontonan awam.

PENUTUP

Sebuah piawaian filem patuh syariah mestilah dibentuk agar memberi impak baik kepada penonton dan panduan kepada penggiat filem. Setiap pihak yang bertanggungjawab seperti Lembaga Penapis Filem (LPF) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

(SKMM) seharusnya membendung industri perfileman dari membawa sebarang impak negatif kepada masyarakat awam. Pihak pengiat filem pula perlulah memikirkan sensitiviti keagamaan supaya lebih cakna untuk menapis segala maklumat yang bertentangan dengan syariat Islam. Seterusnya, setiap individu itu sendiri mestilah memiliki kesedaran untuk membanteras ataupun menghindari daripada melihat filem-filem yang boleh menyebabkan keruntuhan akhlak dan akidah. Masyarakat perlu bijak menilai baik buruk sesuatu perkara dengan memperkukuhkan keimanan menjadikan al-Quran dan Hadis sebagai panduan hidup di dunia ini.

RUJUKAN

Buku

- Nizaita, O. (2011). *Prinsip-Prinsip Umum Islam (Siri Akidah)*. Kuala Terengganu: Penerbit: Universiti Malaysia Terengganu.
- Sayed, S. (2011). *Al-aqa'id al-Islamiyyah*. Terj. Terengganu: Rangkaian Berkat Sdn Bhd & Batu Caves: Pustaka Salam Sdn Bhd.

Disertasi

- Husain, S.H. (2010). *Asas-Asas Akidah Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak Menurut Perspektif Islam*. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Jurnal

- Abdul Rahman, N.F & Muhammad Shah, N.S. (2020). Persepsi Penganut Muslim dan bukan Muslim terhadap Isu-Isu Sensitif Agama: Kajian di Lembah Klang. *International Journal of Islamic Thought*, 18, 95-109.
- Abdullah Yusof. (2000). Industri Hiburan Dalam Islam: Analisis Dari Sudut Persejarahan Awal Dan Penilaian Hukum. *Jurnal Syariah*, 8, 23-42.
- Farahwahida Mohd Yusofa, Arieff Salleh Rosmana, Azmi Shah Suratmana, Mohd Nasir Ripina & Aminuddin Ruskam. (2012). Faktor dan Cabaran Pertukaran Agama dalam Kalangan Masyarakat Melayu-Islam di Malaysia. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 59, 41-50.
- Mohd Saiful Aqil & Syed Mohammad Hilmi. (2023). Analisis Pengaruh Falsafah al-Sufasta'iyah dalam Filem Mentega Terbang Menurut Perspektif Falsafah Islam dan Ilmu Kalam. *Jurnal Usuluddin*, 51, 1-24.
- Opir, H., Yusof, M., Siren, N., Abdullah, L., & Abdullah, W. Y. (2020). Analisa Fatwa Berkaitan Akidah Dalam Filem di Malaysia: Sorotan 2005-2018. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, Special Issue 1*, 137-172.
- Wan Adli Wan Ramli. (2014). Menangani Cabaran Liberalisme dalam Kalangan Muslim Berdasarkan Konsep Ijmak. *Jurnal Usuluddin*, 40, 27-49.

Laman Sesawang

- Bahaya Syirik Dan Penyelewengan Akidah. (2021). M.Kamel & M.Hasif. Buletin ACIS. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/63338/1/63338.pdf> (diakses pada 2 Julai 2023)
- Fatwa Berkaitan Muslim Yang Berurusan Dengan Anjing. (2021). <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/582-fatwa> (diakses pada 2 Julai 2023)
- Mahmud, F.S. (2023, Mac 11). FINAS sudah jumpa penerbit Mentega Terbang. *Berita Harian*. Boleh. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2023/03/1075569/finas-sudah-jumpa-penerbit-mentega-terbang> (diakses pada 2 Julai 2023)

Persidangan

Abdullah, M.I. & Mokhtar, R. (2022). Filem Mat Kilau: Satu Analisis Standard Filem Patuh Syariah. 6th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022 (*online*), 13th &14th December 2022.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.